

STPM Kertas 1 2014:

Soalan 1

1. Villa Jasmine yang dimiliki oleh Encik Jamil beroperasi di Habu, Cameron Highlands dengan menawarkan perkhidmatan sewaan chalet. Encik Jamil telah membuka akaun bank berasingan dan menyimpan rekod khas untuk perniagaannya. Selain itu, Encik Jamil bercadang untuk menyediakan penyata akaun perniagaan secara suku tahun untuk menilai prestasi perniagaannya. Perniagaan Villa Jasmine mula beroperasi pada 1 Julai 2013. Maklumat yang berikut dipetik daripada buku akaun Villa Jasmine pada 30 September 2013 selepas beroperasi selama tiga bulan.

	RM
Akaun belum bayar	9,150
Akaun belum terima	2,850
Ambilan	1,800
Bangunan	60,000
Bekalan pejabat	6,120
Belanja bekalan pejabat	650
Belanja gaji dan upah	10,800
Belanja pengiklanan	1,730
Belanja pelbagai	2,600
Belanja utiliti	1,910
Hasil sewa	16,750
Insurans prabayar	3,360
Modal	120,000
Perabot dan peralatan	26,800
Pinjaman	30,000
Sewa belum terima	4,800
Tanah	40,000
Tunai di bank	22,080

Maklumat tambahan

- (1) Bekalan yang masih belum digunakan pada 30 September 2013 berjumlah RM2,800.
- (2) Pinjaman adalah untuk tempoh lima tahun pada kadar 12% setahun bermula 1 September 2013.
- (3) Polisi insurans yang diperoleh pada penghujung bulan Julai 2013 adalah untuk tempoh satu tahun bermula 1 Ogos 2013.
- (4) Susut nilai tahunan bagi bangunan ialah 3%, manakala susut nilai tahunan bagi perabot dan peralatan ialah 5%.
- (5) Sewa belum terima merupakan bayaran sewaan chalet yang diterima daripada pelanggan yang membuat tempahan awal. Sebanyak 60% daripada amaun yang diterima ialah sewaan untuk bulan Julai hingga September 2013.
- (6) Upah terakru bagi bulan September 2013 berjumlah RM 400.

Dikehendaki:

(a) Jelaskan maksud setiap andaian atau prinsip perakaunan yang berikut, dan berikan satu contoh yang diambil daripada kes Villa Jasmine untuk menunjukkan bahawa andaian atau prinsip tersebut telah dipatuhi.

- (i) Andaian entiti berasingan
- (ii) Andaian berkala
- (iii) Prinsip pengiktirafan hasil
- (iv) Prinsip pemanfaatan

(4 markah)

(b) Sediakan , bagi Villa Jasmine,

- (i) Catatan jurnal pelarasan yang diperlukan bagi tempoh tiga bulan pertama operasi, (8 markah)
- (ii) Penyata pendapatan bagi suku tahun berakhir 30 September 2013. (3 markah)
- (iii) Kunci kira-kira pada 30 September 2013. (5 markah)